

53,000 pelajar IPT pulang mulai Isnin ini

Semua pelajar akan jalani saringan walaupun tiada gejala

Kuala Lumpur: Kerajaan akan membenarkan pergerakan penghantaran pulang pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta, politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) termasuk di Sabah dan Sarawak bermula Isnin ini secara berperingkat.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata penghantaran pulang itu dijangka membabitkan kira-kira 85 peratus atau 53,000 pelajar dan hanya membabitkan pergerakan antara IPT dan kediaman keluarga di dalam zon hijau sahaja.

Perjalanan hanya boleh dibuat dari jam 9 malam hingga 9 pagi bagi mengelakkan kesesakan dan pergerakan besar pada waktu siang.

Penghantaran pulang itu ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih berkuat kuasa, membabitkan penuntut yang tinggal di kolej dan kampus di seluruh negara yang menyewa di luar kampus dengan kos penghantaran ditanggung kerajaan.

Pelajar ini juga akan menjalani saringan gejala COVID-19 walaupun sudah lebih sebulan berada di kampus sebelum menaiki bas walaupun tiada gejala dan mereka akan dibekalkan dengan makanan dan topeng muka.

"Mereka yang gunakan bas akan dihadkan dan dipastikan dari segi penjarakan sosial. Kalau tempat duduk untuk dua orang hanya boleh digunakan seorang, bermakna kalau bas itu untuk 40 penumpang, hanya 20 penumpang dibenarkan," katanya pada sidang media harian PKP, di sini, semalam.

Susulan pengumuman perlanjutan tempoh PKP fasa ketiga hingga 28 April pada 10 April lalu, gabungan beberapa persatuan mahasiswa menggesa kerajaan membenarkan penuntut yang masih berada di kampus pulang ke rumah masing-masing secara berperingkat.

Kerajaan bagaimanapun pada 13 April lalu memutuskan semua pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta yang masih berada di kampus tidak dibenarkan pulang ke rumah atau kampung masing-masing sepanjang PKP berkuat kuasa.



Penuntut Universiti Putra Malaysia, Amir Afiq Ahmad Zuki (kanan) dari Alor Setar bersama rakan sebilik, Mhd Hazli Rosli (kiri) dari Nilai mengemas baju sebagai persiapan untuk pulang ke kampung, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

Namun pada Selasa lalu, kerajaan mengumumkan sedia membenarkan kira-kira 100,000 pelajar IPT awam dan swasta di seluruh negara yang berada di kampus, seolah-olah mereka sedang di kuarantin untuk pulang ke rumah masing-masing.

Ismail Sabri berkata, pelajar akan diambil dari kampus dengan bas dan terus dibawa ke daerah masing-masing serta dihantar ke balai polis atau pejabat daerah sebelum barisan hadapan di sana menghantar mereka terus ke rumah.

Pelajar memiliki kenderaan sendiri juga dibenarkan memandu pulang dengan syarat perjalanan tidak merentas negeri dan mereka memandu seorang sahaja.

"Bagi pelajar yang ingin pulang ke Sabah dan Sarawak, penerbangan akan diseliakan dan pendaratan akan dibuat ke lapangan terbang terdekat dengan kawasan tempat tinggal mereka.

"Berdasarkan SOP ditetapkan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak, pelajar dari Semenanjung akan dikuarantin wajib selama

14 hari sebelum boleh pulang ke rumah masing-masing," katanya.

Ditanya mengenai nasib pelajar yang ingin pulang ke kawasan zon merah, Ismail Sabri berkata, buat masa ini perkara itu tidak dibenarkan.

"Begitu juga jika pelajar itu sewa rumah luar kampus di kawasan zon merah, mahu balik ke zon hijau, kita juga tak benarkan lagi pada peringkat awal ini," katanya.

Sementara itu, institusi pendidikan bukan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kementerian itu bagi penghantaran pulang pelajar mereka ke rumah masing-masing.

Ismail Sabri berkata, pihaknya turut membenarkan kementerian lain yang mempunyai institusi pendidikan contohnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah tetapi SOP perlu mengikut ketetapan KPT.

"Contohnya UniKL adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah jadi kita membenarkan kementerian lain menguruskan untuk membawa pelajar pulang mengikut kementerian masing-masing dengan SOP KPT.

"KPT akan memaklumkan secara lebih lanjut dari segi pergerakan, zon mana dahulu, ...kita tunggu pengumuman KPT yang lebih terperinci," katanya.



Lebih 1,000 daripada 4,200 pelajar yang tinggal di kampus sejak PKP bermula, boleh pulang ke kampung halaman dalam zon hijau. Terima kasih atas keprihatinan kerajaan.

Muhammad Nazmi Akhmal Rahman, Pemangku Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM

Kampung saya di Telupid dikategorikan sebagai zon hijau, tetapi saya kini berada di zon merah, sukar untuk saya balik. Saya tinggal bersama ibu saudara dulu sepanjang PKP.

Jerryko Jonius, Pelajar tahun pertama Cosmopoint College, Kota Kinabalu

Alhamdulillah, dapat juga puasa dan raya bersama keluarga. Bila PM (Perdana Menteri) umum berita itu semalam, rasa sebak dan teruja sebab dah lama saya tak pulang ke kampung.

Ayu Ajleea Natasha Mohd Wazir, Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam